

Peralihan kehendak- Dr. M

JUMA 28 JUN 2002

Oleh BORHAN ABU SAMAH

POH 27 Jun ~ Proses peralihan kuasa yang diumumkan oleh Majlis Tertinggi (MT) UMNO kelmarin adalah atas kehendak Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri dan bukan disebabkan faktor tolak ansur atau kompromi dengan Jawatankuasa Pengurusan parti itu.

Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob menjelaskan, pertemuan jawatankuasa itu juga bukan untuk menetapkan tarikh bila Perdana Menteri harus berundur.

Katanya, apa yang berlaku semasa perjumpaan itu ialah Dr. Mahathir telah menceritakan bukan sahaja maksud dan ketegasannya berundur tetapi juga menyampaikan mesej kepada MT mengenai harapan dan perkara yang ingin dilihatnya.

Ketegasan

Dr. Mahathir juga, kata Khalil menceritakan latar belakang kenapa beliau membuat pengumuman peletakan jawatannya pada Perhimpunan Agung UMNO tempoh hari.

"Keputusan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meletakkan jawatan Perdana Menteri dan Presiden UMNO selepas Oktober 2003 bukannya satu kompromi dan bukan juga hasil proses tolak ansur antara Dr. Mahathir dengan jawatankuasa yang

■ Lihat muka 4

Peralihan kehendak Dr. M

diketuai oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Seri Perdana, Ahad lalu, tetapi adalah keputusan Perdana Menteri sendiri.

"Jawatankuasa tersebut menghormati setiap ayat yang dikatakan oleh Perdana Menteri berhubung proses tersebut," katanya di sini hari ini.

Khalil berkata demikian sebagai menjelaskan kekeliruan akhbar yang telah melaporkan bahawa satu kompromi telah dicapai antara Dr. Mahathir dengan jawatankuasa berkenaan sehinggalah kepada pengumuman mengenai proses peralihan itu dibuat oleh MT Selasa lalu.

Menurut Menteri Penerangan itu, semasa pertemuan Jawatankuasa Pengurusan UMNO dengan Dr. Mahathir, sebelum Perdana Menteri berlepas ke luar negara untuk bercuti, tiada sebarang cadangan yang diberikan oleh jawatankuasa itu.

Beliau menegaskan bahawa jawatankuasa itu hanya mendengar versi Perdana Menteri mengenai hasrat beliau hendak berhenti, mesej dan harapannya kepada MT.

"Kita pergi atas mandat yang diberi oleh MT untuk mendengar versi beliau... versi adalah perkataan penting di sini. Bukannya jawatankuasa ini berjumpa beliau untuk berunding, kita tak pun cadangkan (tarikh berundur).

"Sebahagian ini terkandung di dalam kenyataan yang dibuat Selasa lepas. Ini termasuklah hasrat beliau untuk mempengerusi-

kan mesyuarat OIC selama peralihan dan dalam jangka masa peralihan dan juga memegang jawatan Menteri Kewangan," katanya.

Kenyataan MT, yang dibaca oleh Khalil pada sidang akhbar selepas mesyuarat khas majlis itu antara lain menjelaskan Dr. Mahathir menetapkan Abdullah sebagai pengganti beliau.

Perdana Menteri juga menetapkan uletakan iawatan beliau akan berlaku selepas Persidangan Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang akan diadakan pada 24 hingga 25 Oktober 2003.

Dalam tempoh masa sebelum persidangan OIC tersebut, Dr. Mahathir akan terus memegang semua jawatan beliau dalam UMNO, Barisan Nasional (BN) dan kerajaan termasuk jawatan Menteri Kewangan.

Dr. Mahathir juga akan mengambil cuti selama dua bulan dan dalam tempoh itu Abdullah akan memangku jawatan Presiden UMNO dan Perdana Menteri.

Selain itu, Abdullah juga akan memangku kedua-dua jawatan tersebut pada bila-bila masa yang lain apabila Dr. Mahathir mengambil cuti dalam tempoh masa tersebut.

Utusan Malaysia pada laporan muka depannya Isnin lepas memetik Ketua Penerangan UMNO Tan Sri Megat Junid Megat Ayub sebagai berkata MT akan mengumumkan "tolak ansur" yang dipersetujui dalam pertemuan itu.

Khalil sebelum itu mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar, Datuk Seri Mohd. Tajul Rosli Ghazali di pejabatnya di sini.

Beliau berada di sini kerana mengetuai delegasi ke mesyuarat Majlis Penerangan Kebangsaan yang bermula hari ini.